

SOALAN NO: 63

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEENAM,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID

TARIKH: 20 MAC 2018

SOALAN:

Dato' Abdullah Sani Bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah peranan HRDF terhadap pelaksanaan S.I.P terhadap pekerja.

PR-1361-L04703

151

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) akan bekerjasama dengan Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRDF) dalam menyediakan program latihan yang bersesuaian kepada pekerja yang hilang pekerjaan. Oleh itu, pekerja yang hilang pekerjaan dan layak di bawah Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017, PERKESO akan menyediakan perkhidmatan dan sokongan pekerjaan bagi mendapatkan pekerjaan yang bersesuaian menerusi latihan *upskilling* dan *reskilling* seterusnya membuat carian kerja yang bersesuaian kepada mereka.

2. Manakala bagi pekerja yang tidak layak, perbincangan lanjut bersama *Human Resource Development Fund (HRDF)*, Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dan Jabatan Tenaga Manusia (JTM) akan diadakan bagi melihat kaedah latihan yang bersesuaian untuk membantu mereka.